



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Penyebut Harga yang berwibawa dan berkeupayaan dalam bidang perkhidmatan serta **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 210102 (Hardware (high end technology) – All types of server, mainframe, high end Printers, storage area network (SAN, NAS) including maintenance** atau **210103 (Software – Supply all computer software, operating system, database, off-the-shelf packages including maintenance** atau **210105 (Telecommunication/networking – supply product, infrastructure, services including maintenance (LAN/WAN/Internet/wireless/satellite)** yang masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya sehingga tiga (3) bulan dari tarikh tutup tawaran ini.
2. Butiran Sebut Harga yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

Kod Sebut Harga	Ringkasan Sebut Harga	Tarikh Pelawa Sebut Harga	Tarikh Taklimat Sebut Harga	Tarikh Dan Masa Tutup Sebut Harga	Taraf Sebut Harga
SH 01/2018	SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBAIKAN (<i>CORRECTIVE MAINTENANCE</i>), JAMINAN LANJUTAN (<i>EXTENDED WARRANTY</i>), PENGGANTIAN PERALATAN RANGKAIAN TAMAT TEMPOH SOKONGAN (EOS) DAN PEMBAIKAN PENAMBAHAN LAN <i>PORT</i> SERTA <i>POINT</i> SOKET DI BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN (BTP), KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)	23 FEBRUARI 2018 (JUMAAT)	28 FEBRUARI 2018 (RABU)	07 MAC 2018 (RABU) 12.00 tengah hari	Terbuka

3. Kehadiran Taklimat Adalah **Wajib**. Taklimat akan diadakan di Bilik Mesyuarat Kiara, Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Persiaran Bukit Kiara, 50604 Kuala Lumpur pada **28 Februari 2018 (Rabu) jam 10.00 pagi**. Waktu pendaftaran adalah di antara jam 8.30 pagi hingga 10.00 pagi. Sila bawa bersama "*thumb drive*" untuk tujuan mendapatkan salinan dokumen (*soft-copy*) lengkap sebut harga.
4. Semasa pendaftaran, Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** dan **SALINAN (tidak dikembalikan)** seperti berikut:-
 - 4.1 Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dari Kementerian Kewangan; dan
 - 4.2 Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera dari Kementerian Kewangan (jika berkenaan).

Sekiranya Penyebut Harga tidak mempunyai Sijil Pendaftaran Kontraktor dan mempunyai Sijil Virtual, Penyebut Harga hendaklah mengemukakan Nombor Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan kepada Urus Setia bagi penyemakan dan pengesahan status pendaftaran syarikat.

5. Kehadiran taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Kegagalan untuk menghadiri taklimat ini pada waktu yang telah ditetapkan boleh menyebabkan tawaran Sebut Harga **TIDAK** akan dipertimbangkan dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini tidak akan dilayan. Bukti kehadiran adalah berdasarkan pengesahan rasmi dari Bahagian ini sahaja. Setiap syarikat hanya dibenarkan menghantar **dua (2) orang** wakil yang terdiri daripada pengurusan atasan dan pakar dalam bidang yang ditawarkan.
6. Syarikat hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi melalui Sistem e-Perolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak kosong perperuluhan lapan peratus (0.8%) mengikut setiap nilai invoice yang dikemukakan kepada Kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 9,600.00 (Ringgit: Sembilan Ribu dan Enam Ratus) bagi invoice yang bernilai RM 1.2 juta (Ringgit: Satu Juta Dua Ratus Ribu) atau lebih.
7. **Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal** hendaklah **dan dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga** sebelum pukul 12.00 tengah hari **pada atau sebelum tarikh tutup seperti di atas. Tawaran Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.**
8. Bahagian Teknologi Pendidikan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran Sebut Harga.
9. Penyebut Harga dikehendaki mengemukakan **SEMUA** dokumen sokongan yang diminta oleh pihak Kementerian di dalam dokumen Sebut Harga. Penyebut Harga yang gagal mengemukakan kesemua dokumen yang diminta, maka Kementerian ini mempunyai hak untuk tidak menilai tawaran Penyebut Harga.
10. Kerajaan Malaysia tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran Sebut Harga, serta tiada sebarang alasan akan diberikan ke atas mana-mana Sebut Harga yang ditolak atau tidak berjaya. Sebarang rayuan/cadangan/bantahan tidak akan dilayan. Keputusan Sebut Harga adalah muktamad.
11. Syarikat yang hendak mendaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia boleh berbuat demikian secara atas talian di <http://www.eperolehan.com.my/> atau boleh menghubungi Khidmat Bantuan Pelanggan e-Perolehan di talian **03-79857777**. Penyebut Harga juga dikehendaki untuk mendapatkan latihan secukupnya mengenai pengendalian sistem e-Perolehan daripada Commerce Dot Com Sdn. Bhd.
12. Iklan Sebut Harga ini juga boleh dirujuk di laman web Bahagian Teknologi Pendidikan iaitu di alamat <http://btp.moe.gov.my>